

## **2. PUNCA-PUNCA REMAJA SUKA MELEPAK**

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan remaja suka melepak. Antaranya ialah :

- 2.1 Faktor Keluarga
- 2.2 Faktor Persekutuan
- 2.3 Faktor Sekolah
- 2.4 Faktor Rakan Sebaya
- 2.5 Faktor Individu

### **2.1 Faktor Keluarga**

Antara punca-punca timbulnya masalah melepak ialah kurangnya kawalan, pengawasan dan perhatian keluarga atau ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Keluarga adalah institusi di mana seseorang individu itu mendapat pendidikan yang terawal. Latar belakang keluarga memainkan peranan yang penting dalam membentuk keperibadian seseorang. Menurut Nelson (1992), keluarga menyediakan sosialisasi peringkat awal kepada kanak-kanak iaitu perkembangan dari segi fizikal, psikologi dan emosi. Hubungan mesra dengan ibu bapa dapat menghindar remaja daripada terlibat dengan perkara-perkara yang kurang sihat. Menurut Fadzilah Kamsah (1993), ibu bapa berperanan sebagai penjaga, pendidik, pemimpin, pengasuh, penasihat dan kaunselor dari segi fizikal, mental, dan rohani anak-anak. Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Bin Hj Mohd Yassin, Menteri Belia dan Sukan (1997) pula mengatakan "Ramai ibu bapa kini dilihat seperti tidak mempunyai kepakaran keibubapaan untuk membimbing, memberikan tunjuk ajar dan nasihat kepada anak-anak ketika berada di rumah. Sedangkan peranan institusi kekeluargaan adalah penting dan merupakan jalan yang berkesan untuk membendung masalah sosial dalam kalangan remaja."

Menurut Green dan Miller (1996), kanak-kanak memerlukan penghargaan kendiri daripada ibu bapa. Ibu bapa yang sibuk bekerja dan tidak memperuntukkan masa bersama-sama anak-anak akan mendorong mereka mencari role model untuk diikuti, melalui watak-watak dalam televisyen, filem, muzik atau majalah.

Lee Kim Yoo dan Noraini (2000) menjalankan kajian terhadap peranan ibu bapa dan rumah tangga, dan kesannya ke atas tingkah laku sosial remaja. Kesibukan mencari rezeki untuk menampung kehidupan yang semakin mendesak mengakibatkan anak-anak terbiar dan merasa kesunyian. Keadaan ini telah menyebabkan anak-anak mereka menjalankan tingkah laku melepak dengan menghabiskan masa di pusat membeli belah.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Razali (1994) merumus bahawa melepak adalah disebabkan oleh ibu bapa yang tidak prihatin terhadap anak-anak mereka. Akibatnya, tiada wujudnya suasana keharmonian di dalam keluarga sehingga anak-anak muda dibiarkan bebas bergaul tanpa kawalan.

"Remaja kita sebenarnya bukan golongan yang tidak berpotensi tetapi, mereka adalah asset yang memerlukan bimbingan dan asuhan." (Berita Harian, 4 Ogos, 2006). Proses membesarkan anak hingga dewasa memerlukan pelaburan masa, perhatian dan pemikiran yang besar. Setiap anak berbeza di antara satu sama lain dan tidak ada formula yang serupa boleh digunakan untuk semua anak. Ibu bapa perlu berfikir dan berbincang di antara satu sama lain, tentang kaedah untuk melahirkan kekuatan pada setiap anak dan mengawal kelemahannya dengan berkesan. Anak-anak adalah asset ibu bapa, janganlah menjadikan kesibukan sebagai

alasan sehingga anak-anak tidak dididik dengan sempurnanya.